

Headline **Teknologi canggih bantu penyelidik UIAM**
Date **20 Sep 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **144 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,846**
PRValue **8,538**



ABDUL Aziz (tiga dari kanan) menerangkan kepada Ahmad Faris (kiri) mengenai sistem berkelajuan tinggi berasaskan teknologi gentian optik dan inovasi komputer di UIAM, Gombak, baru-baru ini.

Teknologi canggih bantu penyelidik UIAM

PUSAT Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) merealisasikan impian penyelidik apabila menyediakan kemudahan penyambungan sistem berkelajuan tinggi berasaskan teknologi gentian optik dan inovasi komputer.

Kemudahan itu disediakan dengan kerjasama pintar MIMOS Berhad (MIMOS).

Kelajuan teknologi itu menjangkau sehingga empat gigabit sesaat yang menghubungkan UIAM dengan Makmal Grid MIMOS yang beroperasi di Bukit Jalil, Puchong, Selangor.

Ia menggunakan gentian tunggal dengan teknologi *Dense Wavelength Division Multiplexing* (DWDM) untuk jarak 70 kilometer.

Ketua Pegawai Operasi MIMOS, Abdul Aziz Abdul Kadir berkata, para

penyelidik khususnya mahasiswa sarjana UIAM dapat memperoleh maklumat penyelidikan mereka dengan lebih pantas dan tepat.

“Saya yakin mereka dapat menghasilkan kajian dengan lebih baik dan berkualiti serta tidak mengambil masa terlalu lama untuk disiapkan,” katanya ketika merasmikan Majlis Memorandum Persefahaman (MoU) antara MIMOS dan UIAM di Gombak, Selangor baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Rektor (Penyelidikan Dan Inovasi) UIAM, Prof. Dr. Ahmad Faris Ismail.

UIAM dan MIMOS memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi menyediakan perkhidmatan ini ke arah menjadikan UIAM universiti penyelidikan.